SIDEK IBRAHIM & SATU LAGI lwn.
IBNU ASYAKIR MOHD GHAZALI & SATU LAGI

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, TEMERLOH
HASSAN ABDUL GHANI PK
[RAYUAN SIVIL NO: 12B-01-04-2015]
10 JUN 2016

GANTI RUGI: *Kemalangan – Liabiliti – Versi berbeza antara pihak-pihak – Kedudukan kenderaan pihak-pihak – Keadaan tempat kejadian dan kerosakan pada kenderaan pihak-pihak – Versi yang lebih berkemungkinan – Sama ada bayaran saman satu pengakuan salah – Sama ada bayaran saman satu keterangan konklusif bagi menentukan darjah kecuaian – Darjah kecuaian pihak-pihak*

GANTI RUGI: *Kemalangan – Kuantum – Rayuan – Penunggang motosikal cedera di kepala akibat dilanggar motokar – Sama ada kecederaan berlaku akibat kegagalan penunggang motosikal memakai topi keledar – Sama ada award yang diberi munasabah – Sama ada hakim mempertimbangkan semua keterangan dalam memberi award*

Satu kemalangan berlaku melibatkan motosikal yang ditunggang oleh perayu pertama ('SP1') dan motokar yang dipandu oleh responden pertama ('defendan pertama'). Sebelum sampai ke satu simpang menuju ke rumahnya ('simpang kuarters guru'), SP1 memberi isyarat belah kanan, rapat ke tengah jalan dan bergerak lurus. Tiba-tiba SP1 dilanggar dari belakang oleh defendan pertama. SP1 cedera di bahagian kepala manakala defendan-defendan tidak tercedera. SP1 membuat laporan polis dan seterusnya menuntut terhadap defendan-defendan di Mahkamah Sesyen. Defendan-defendan tidak hadir ke mahkamah tetapi dalam laporan polis, mereka mengaku bahawa kemalangan tersebut ada berlaku. Namun begitu, menurut pegawai penyiasat ('SP2') kemalangan dikatakan berlaku di simpang sebuah sekolah. Hakim Mahkamah Sesyen ('HMS') memutuskan SP1 bertanggungan 100% atas alasan: (i) SP1 menyimpang masuk ke belah kanan di laluan sah defendan; (ii) keterangan SP1 tentang kemalangan berbeza dengan laporan polisnya kerana dalam laporan polisnya, SP1 tidak menyatakan dia melihat kenderaan di belakang sebelum melintas ke kanan; (iii) SP1 gagal memberi laluan kepada defendan-defendan dan telah melintas dan memotong tanpa memberi isyarat. Hakim Mahkamah Sesyen seterusnya memberi award RM35,000 untuk kecederaan kepala SP1 atas alasan SP1 tidak memakai topi keledar. Oleh itu, rayuan ini. Plaintif-plaintif menghujahkan bahawa (i) laporan polis plaintif-plaintif dan defendan-defendan jelas membuktikan kemalangan berlaku di simpang kuarters guru, bukan simpang sebuah sekolah; (ii) defendan tidak hadir memberi keterangan; (iii) terdapat dua versi berbeza; (iv) kemalangan berlaku secara pelanggaran dari belakang dan versi plaintif lebih berkemungkinan kerana kerosakan motosikal plaintif tertumpu pada bahagian kiri manakala motokar defendan pada bahagian kanan;

A (vi) mahkamah mengambil kira isu plaintif pertama disaman; (vii) laporan pakar dan perubatan tidak menyatakan bahawa kecederaan di kepala SP1 disebabkan oleh kegagalannya memakai topi keledar; dan (viii) HMS gagal memberi award 'loss of sense of smell'.

Diputuskan (membenarkan rayuan):

B

(1) Dapatan HMS tentang tempat kemalangan jelas tersasar. Secara keseluruhannya, dapatan HMS bersandar pada keterangan SP2 sahaja sedangkan beliau tidak membuat siasatan sempurna tentang lokasi sebenar. Laporan polis defendan-defendan sendiri menyokong laporan polis SP1 dan keterangan SP1 di mahkamah bahawa lokasi kemalangan adalah di simpang kuarters guru. (perenggan 24)

C

(2) Keterangan SP2 tentang lokasi kemalangan adalah bersifat 'dengar cakap' kerana keterangannya tidak disokong oleh keterangan defendan yang tidak hadir ke mahkamah untuk memberi keterangan. Apa jua hasil siasatan SP2 adalah meragukan, boleh dipertikaikan dan tidak boleh diterima di mahkamah. SP1 telah membuktikan lokasi dan punca sebenar bagaimana kemalangan tersebut berlaku. Oleh kerana defendan tidak hadir ke mahkamah untuk memberi keterangan, keterangan SP1 mestilah diterima oleh mahkamah. (perenggan 26, 27 & 30)

D

E **(3)** Hakim Mahkamah Sesyen tidak menumpukan pada versi-versi yang bercanggah antara plaintif-plaintif dan defendan-defendan. Terdapat versi berbeza iaitu pertamanya dalam keterangan defendan sendiri dan keduanya antara versi plaintif pertama dan defendan. Dua versi berbeza oleh defendan-defendan menunjukkan satu fikiran semula bagi mengelakkan liabiliti terhadap kemalangan. Versi yang berbeza ini juga jelas menunjukkan versi defendan tidak berkemungkinan. Tambahan lagi, HMS bergantung penuh pada keterangan SP2 tanpa menilai keterangan SP1. Jika terdapat dua versi bercanggah, mahkamah mesti membuat dapatan versi manakah yang lebih berkemungkinan. (perenggan 32)

F

G

(4) Hakim Mahkamah Sesyen tidak memberi penekanan pada fakta bahawa dalam laporan polis serta keterangannya di mahkamah, SP1 menyatakan dia memberi isyarat ke kanan sebelum membelok ke kanan. Tanpa keterangan bertentangan, keterangan SP1 harus diterima oleh mahkamah tanpa keraguan. Berdasarkan laporan polis pihak-pihak, sebelum kemalangan berlaku, kereta defendan berada di belakang motosikal SP1. Hakim Mahkamah Sesyen terkhilaf apabila tidak mempertimbangkan faktor kedudukan kereta defendan yang berada di belakang SP1. Kenderaan di belakang mempunyai tugas dan tanggungjawab memandu berhati-hati bagi mengelakkan kemalangan. Ini satu tanggungjawab berterusan yang wujud tanpa mengambil kira kecuaian pemandu kenderaan di hadapannya. (perenggan 38, 41 & 46)

H

I

(5) Pengakuan salah dalam kes trafik bukan keterangan konklusif bagi menentukan darjah kecuaian dan pihak yang membayar saman boleh memberi justifikasi mengapa dia membayar saman tersebut. Menurut SP1, dia ingin menyelesaikan kes dengan cepat. Oleh itu, HMS terkhilaf apabila mengambil kira SP1 telah membayar kompaun kesalahannya dan memutuskan dia bertanggungan cuai 100% dalam kemalangan ini. (perenggan 52)

(6) Dapatan HMS bahawa plaintif-plaintif secara nyatanya bertentangan dengan keterangan sedia ada. Kedua-dua pihak bertanggungan cuai secara bersama iaitu 50:50 dalam kemalangan ini. SP1 juga harus berhati-hati dan memastikan dia berada dalam jarak selamat dengan kenderaan di belakang sebelum mengubah haluan meskipun dia telah memberi isyarat ke kanan. (perenggan 54-55)

(7) Hakim Mahkamah Sesyen terkhilaf apabila mengambil kira, antara lain, kegagalan SP1 memakai topi keledar semasa mempertimbangkan award. Laporan pakar dan perubatan tidak pernah menyatakan bahawa kecederaan di kepala disebabkan oleh kegagalan SP1 memakai topi keledar. SP1 mengalami kecacatan yang agak serius akibat kecederaan di kepalanya iaitu 'emotional lability, forgetfulness, recurrent headache and personality changes'. Award yang diberikan oleh HMS diketepikan dan SP1 diawardkan RM50,000 bagi kecederaan kepala dan kecacatannya. (perenggan 67 & 68)

(8) Kedua-dua laporan pakar SP1 dan defendan mengesahkan SP1 mengalami 'loss of sense of smell' dan kedua-dua doktor pakar mengesahkan kecacatan ini berpunca daripada kemalangan tersebut. Hakim Mahkamah Sesyen terkhilaf apabila beliau tidak mengambil kira kecacatan ini. Award sebanyak RM40,000 adalah munasabah. (perenggan 69)

Kes-kes yang dirujuk:

A Perianayagam & Anor v. Yeo Suan Tin & Anor [1984] 1 LNS 15 HC ***(dirujuk)***

Abidin Umar v. Doraisamy Supramaniam & Anor [1994] 2 CLJ 747 HC ***(dirujuk)***

Abdul Mokhti Hj Ahmad v. Idris Ibrahim [1976] 1 LNS 1 HC ***(dirujuk)***

Annamalay Retnam v. Mah Chong Peng & Anor [2010] 6 CLJ 487 CA ***(dirujuk)***

Chock Kek Ling v. Patt Hup Transport Co Ltd & Ors [1965] 1 LNS 25 HC ***(dirujuk)***

Chong Keow v. Shaari Yaacob [1988] 1 CLJ 325; [1988] 1 CLJ (Rep) 463 HC ***(dirujuk)***

Fatimah Derakman v. Wan Jusoh Wan Kolok & Anor [1994] 4 CLJ 537 HC ***(dirujuk)***

Jaafar Shaari & Siti Jama Hashim v. Tan Lip Eng & Anor [1997] 4 CLJ 509 SC ***(dirujuk)***

Kayat & Anor v. Lim Yew Seng [1971] 1 LNS 46 HC ***(dirujuk)***

Krishnan Perumal & Anor v. Yang Cheng Choy & Anor [2010] 1 LNS 436 CA ***(dirujuk)***

Ku Jia Shiuen & Anor v. Kerajaan Malaysia & Ors [2013] 9 CLJ 489 HC ***(dirujuk)***

Lee Hock Lai v. Yeoh Wah Pein [1998] 1 LNS 364 HC ***(dirujuk)***

MA Cylde v. Wong Ah Mei & Anor [1970] 1 LNS 73 FC ***(diikuti)***

Mariam Mansor v. JD Peter [1975] 1 LNS 101 HC ***(dirujuk)***

Mohamed Hassan bin Abd Kadir & Anor v. Loh Kian Huat & Anor [2008] 1 PIR [17] ***(dirujuk)***
Mohamed Salleh Awang & Anor v. Low Han Leong & Anor [1981] 1 LNS 140 FC ***(dirujuk)***
Multar Masngud v. Lim Kim Chet & Anor [1982] CLJ 107; [1982] CLJ (Rep) 237 FC ***(diikuti)***
Murugan v. Lew Chu Cheong [1980] 1 LNS 49 FC ***(dibezakan)***
Ng Kah Heng v. Ng Pek Choo [1989] 1 CLJ 962; [1989] 2 CLJ (Rep) 170 HC ***(dirujuk)***
Ng Tian Hock v. Ng Swee Kin; Tan Seou Geok v. Ng Swee Kin & Anor [1990] 2 MLJ 206 ***(dirujuk)***
Ngooi Kim Chong v. Subramaniam Maruthan & Anor [1990] 1 CLJ 799; [1990] 2 CLJ (Rep) 533 HC ***(dirujuk)***
Ong Ah Long v. Dr S Underwood [1983] 2 CLJ 198; [1983] CLJ (Rep) 300 FC ***(dirujuk)***
Ong Cheng Wah & Anor v. Supramaniam Arjunan [2001] 4 CLJ 202 HC ***(dirujuk)***
Reliance Omnibus Co Sdn Bhd & Anor v. Ishak Mohd Jaafar & Anor [1993] 4 CLJ 291 HC ***(dirujuk)***
Rozman Ahmad v. Sofian Johan [2008] 1 PIR [70] ***(dirujuk)***
Samar Mansor v. Mustafa Kamarul Ariffin [1974] 1 LNS 147 FC ***(dirujuk)***
Sathisvaran Chandrasegaran v. Agilan Vanmugelan & Anor [2012] 3 CLJ 450 CA ***(dibezakan)***
Siti Rohani Mohd Shah & Ors v. Hj Zainal Hj Saifiee & Anor [2001] 1 CLJ 498 HC ***(dirujuk)***
Suriyati Takril v. Mohan Govindasamy & Anor [2001] 2 CLJ 101 HC ***(dirujuk)***
Syahir Osman v. Santhiralaga & Anor [2012] 2 PIR [70] ***(dirujuk)***
Tabarani Mohd Arsad & Anor v. Chan Tenn Yeu [1999] 3 CLJ 188 HC ***(dirujuk)***
Takako Sakao v. Ng Pek Yuen & Anor [2010] 1 CLJ 381 FC ***(dirujuk)***
Yeow Wuen Hau v. Tan Her Chia [2008] 1 P1R [72] ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Road Traffic Rules 1959, r. 10

Bagi pihak perayu - Aida Rahayu Abdul Rahman; T/n Aida Rahman & Co
Bagi pihak responden - S Ganesh; T/n Khoo & Sidhu

[Nota Pengarang: Rayuan dari Mahkamah Sesyen, Temerloh; Guaman No: A53KJ-117-10-2013 (ditolak).]

Dilaporkan oleh Najib Tamby

PENGHAKIMAN

Hassan Abdul Ghani PK:

Pengenalan

[1] Ini adalah rayuan yang dikemukakan oleh plaintif-plantif yang tidak berpuas hati dengan keputusan Hakim Mahkamah Sesyen menolak tuntutannya dengan kos kerana pihak plaintif didapati bertanggung cuai 100% di dalam kemalangan ini.

[2] Untuk melengkapkan penghakiman, di atas liabiliti 100%, Hakim Mahkamah Sesyen telah mentaksirkan ganti rugi dan membenarkan sejumlah award ganti rugi am dan ganti rugi khas diberikan kepada plaintif-plaintif berserta dengan faedah seperti dituntut dan kos.

[3] Plaintif-plaintif tidak bersetuju dengan dapatan mahkamah di atas isu liabiliti dan kuantum. Justeru rayuan ini.

Fakta Kes

[4] Untuk membuktikan tuntutannya, pihak plaintif telah memanggil seramai dua orang saksi iaitu plaintif sendiri, Sidek bin Ibrahim (SP1) dan bekas pegawai penyiasat, Abd Halim bin Ismail (SP2). Pihak defendan telah memangil adjuster, Bala a/l Daraisamy (SD1) yang memaklumkan defendan-defendan tidak dapat hadir ke mahkamah untuk memberikan keterangan.

[5] SP1 mengatakan pada 12 Oktober 2012 jam 6.40 pagi, beliau dari Masjid Jamek Chenor dalam perjalanan pulang ke rumahnya melalui Jalan Besar Chenor. Sebelum sampai ke Simpang Kuarters Guru Bandar Baru Chenor (simpang kuarters guru) iaitu jalan menuju ke rumahnya, SP1 telah memberikan lampu isyarat di sebelah kanan, rapat ke tengah jalan dan bergerak lurus setelah memastikan tiada kenderaan lain di belakang. Bagaimanapun secara tiba-tiba, saya telah dilanggar dari belakang oleh kereta pihak defendan; ms. 25 RRT.

[6] SP1 mengatakan beliau ada membuat laporan polis (P1) pada 20 Oktober 2012. Menurutnya, laporan polis lewat dibuat, kerana beliau dimasukkan ke Hospital Temerloh selepas kemalangan akibat mengalami kecederaan di kepala; ms. 25 RRT. Laporan polis SP1 adalah konsisten dan menyokong keterangan SP1, beliau telah memberi signal ke kanan untuk masuk ke simpang kuarters guru; ms. 64 RR.

[7] Walaupun defendan-defendan tidak hadir ke mahkamah, laporan polisnya telah dikemukakan sebagai eks. D11 melalui SD1 setelah dipersetujui oleh peguam plaintif-plaintif. Di dalam D11, defendan-defendan mengakui kemalangan berlaku di simpang kuaters guru; ms. 65 RR. Adalah perlu untuk dinyatakan di sini bahawa walaupun tidak mengalami sebarang kecederaan, defendan-defendan hanya membuat laporan polis pada 17 Oktober 2012 iaitu lima hari selepas kemalangan.

[8] Anehnya dan isu ini adalah di antara yang menjadi kemusykilan pihak plaintif di dalam rayuan ini, pegawai penyiasat (SP2) mengatakan kemalangan berlaku di simpang Sekolah Kebangsaan Bukit Bota Chenor (simpang sekolah). Menurutnya, lokasi kemalangan ini telah ditunjukkan oleh pihak defendan setelah dia pergi ke tempat kejadian bersama pihak defendan; m.s 41 RR. SP2 mengatakan tiada siasatan dibuat di simpang kuarters guru walaupun mengakui simpang tersebut sebenarnya wujud dan berada lebih kurang 150m di hadapan dari simpang sekolah.

[9] Rajah kasar dan kunci (P7) yang disediakan oleh SP2 tidak dapat membantu mahkamah untuk membuat inferens dan dapatan kerana tidak ada apa-apa kesan yang terdapat di atas jalan raya. SP1 telah dituduh di bawah r. 10 LN 166/59 dan telah mengaku salah di atas pertuduhan, D9.

Dapatan Hakim Mahkamah Sesyen

[10] Di ms. 11 RRT, Hakim Mahkamah Sesyen menyatakan dapatannya seperti berikut:

> Saya mendapati berdasarkan keterangan-keterangan yang diberi oleh saksi-saksi pihak Plaintif iaitu bekas pegawai penyiasat, SP1 dan juga keterangan dari Plaintif Pertama sendiri, SP2 beserta ekshibit rajah kasar dan kunci, gambar-gambar kemalangan, laporan polis plaintif dan keputusan kes D9, di atas imbangan kebarangkalian kemalangan ini berlaku akibat kecuaian Plaintif Pertama sepenuhnya.
>
> Alasan-alasannya ialah:
>
> (i) SP1 menyimpang masuk ke sebelah kanan di hadapan laluan sah Defendan. Keterangan SP2 selaras dengan rajah kasar, gambar-gambar serta kerosakan kenderaan.
>
> (ii) Keterangan lisan SP1 berkait dengan insiden kemalangan berbeza dengan laporan polis. Di dalam laporan polisnya, SP1, tidak menyatakan beliau telah melihat kenderaan di belakang sebelum melintas ke kanan.
>
> (iii) SP1 gagal memberi laluan kepada Defendan dan telah melintas dan memotong di hadapan Defendan tanpa memberikan amaran dan isyarat.

Memorandum Rayuan Plaintif-Plaintif

[11] Di dalam memorandum rayuan plaintif-plaintif, peguam terpelajar plaintif-plaintif mengatakan Hakim Mahkamah Sesyen telah khilaf apabila memutuskan pihak plaintif bertanggungan 100% di atas alasan-alasan berikut:

(a) pihak defendan tidak hadir memberikan keterangan;

(b) fakta jelas menunjukkan terdapat dua versi yang bercanggah;

(c) kemalangan berlaku secara perlanggaran dari belakang;

(d) versi pihak plaintif lebih probabel kerana kerosakan motosikal pihak plaintif tertumpu di bahagian sebelah kiri manakala motokar pihak defendan di bahagian hadapan kanan;

(e) laporan polis pihak plaintif dan pihak defendan jelas membuktikan kemalangan berlaku di simpang kuarters guru dan bukan di simpang hadapan sekolah; dan

(f) mahkamah mengambil kira isu plaintif pertama disaman di bawah r. 10 LN 166/59 dan telah membayar kompaun.

Penghujahan Peguam Terpelajar Plaintif-Plaintif

[12] Berkait dengan isu (a) peguam terpelajar plaintif-plaintif mengatakan, oleh kerana defendan tidak hadir ke mahkamah untuk memberi keterangan, maka keterangan plaintif pertama mengenai lokasi berlaku kemalangan iaitu di simpang kuarters guru dan bukannya di simpang sekolah mestilah diterima oleh mahkamah. Beliau telah merujuk kepada kes-kes *Syahir Osman v. Santhiralaga & Anor* [2012] 2 PIR [70], *Jaafar Shaari & Siti Jama Hashim v. Tan Lip Eng & Anor* [1997] 4 CLJ 509; [1997] 4 AMR 3744, *Fatimah Derakman v. Wan Jusoh Wan Kolok & Anor* [1994] 4 CLJ 537 dan *Takako Sakao v. Ng Pek Yuen & Anor* [2010] 1 CLJ 381; [2010] 2 AMR 609.

[13] Di dalam kes *Takako Sakao* (*supra*), Mahkamah Persekutuan memutuskan seperti yang berikut:

> The appellant gave her evidence but the first respondent did not attend court, and no evidence was offered on her part to refute the appellant's testimony. Such an important omission was missed by both the High Court and the Court of Appeal. Two consequences flow from this. Firstly, the evidence given by the appellant ought to have been presumed to be true. Secondly, the court ought to have drawn an adverse inference against the first respondent.

[14] Berkait dengan isu (b), peguam terpelajar plaintif-plaintif mengatakan di dalam kes ini terdapat dua versi yang bercanggah bagaimana berlaku kemalangan. Plaintif pertama mengatakan di dalam keterangan lisannya dan di dalam laporan polis, P1, apabila sampai di Jalan Besar Chenor, sebelum saya sampai di simpang kuarters guru, saya memberikan isyarat untuk membelok ke kanan, rapat ke tengah jalan dan telah bergerak lurus dan tiba-tiba dilanggar dari belakang oleh kereta pihak defendan, manakala pihak defendan di dalam repotnya, D11 mengatakan setibanya di simpang kuarters guru, tiba-tiba motosikal yang berada di kiri jalan melintas ke kanan jalan tanpa memberi lampu signal. Saya tidak sempat mengelak dan terus melanggar pihak plaintif.

[15] Peguam mengatakan oleh kerana terdapat dua versi yang berbeza, mahkamah mestilah menentukan versi mana yang lebih munasabah/probable dan telah merujuk kepada kes *Chong Keow v. Shaari Yaacob* [1988] 1 CLJ 325; [1988] 1 CLJ (Rep) 463, *Yeow Wuen Hau v. Tan Her Chia* [2008] 1 P1R [72].

[16] Adalah signifikan untuk dinyatakan di sini bahawa ketika defendan pergi ke tempat kejadian bersama SP2, beliau telah menunjukkan kepada SP2 lokasi kemalangan yang berbeza iaitu di simpang sekolah dan bukan di simpang kuarters guru. Ini bermakna defendan sendiri mempunyai dua versi yang berbeza di mana berlakunya kemalangan tersebut.

[17] Berkait dengan isu (c) dan (d), peguam terpelajar plaintif-plaintif berhujah, berdasarkan kepada kesan kerosakan kedua-dua kenderaan, keterangan SP1 serta foto, (P8 c-i) versi plaintif pertama bahawa beliau telah memberi isyarat untuk membelok ke kanan dan dia telah berada di garisan

putih tengah jalan dan telah dilanggar oleh pihak defendan dari belakang adalah lebih probable kerana kerosakan motosikal pihak plaintif kebanyakannya di sebelah kiri, manakala kerosakan kereta pihak defendan di bahagian hadapan sebelah kanan serta cermin sisinya turut patah. Peguam plaintif-plaintif berhujah jika plaintif pertama telah mengubah haluan dari kiri ke kanan maka kerosakan motosikal pihak plaintif haruslah lebih teruk di bahagian belakang sebelah kanan.

[18] Peguam plaintif-plaintif mengatakan oleh kerana pihak defendan telah melanggar motosikal pihak plaintif dari arah belakang, maka pihak defendan hendaklah bertanggungan 100% di dalam kemalangan ini dengan merujuk kes *Mohamed Hassan Abd Kadir & Anor v. Loh Kian Huat & Anor* [2008] 1 PIR [17].

[19] Berkait dengan isu (e), peguam terpelajar plaintif-plaintif mengatakan pegawai penyiasat telah melakukan kekhilafan apabila menjalankan siasatan di simpang sekolah sedangkan lokasi sebenar kemalangan menurut laporan polis plaintif pertama dan laporan polis pihak defendan ialah di simpang kuarters. Peguam mengatakan SP2 tidak pernah membawa plaintif pertama untuk menunjukkan lokasi kemalangan dan ini bermakna SP2 tidak menyiasat di lokasi kemalangan yang sebenarnya.

[20] Berkait dengan isu (f), peguam terpelajar plaintif-plaintif mengatakan Hakim Mahkamah Sesyen telah khilaf apabila mengambil kira pengakuan plaintif pertama membayar saman tersebut bermaksud dia telah mengaku cuai di dalam kemalangan tersebut dengan merujuk kes *Rozman Ahmad v. Sofian Johan* [2008] 1 PIR [70].

Dapatan Mahkamah Isu Liabiliti

[21] Nas-nas telah menetapkan prinsip undang-undang yang mantap iaitu di peringkat rayuan, mahkamah yang mendengar rayuan, boleh campur tangan terhadap keputusan Hakim Mahkamah Sesyen walaupun beliau berkesempatan untuk melihat dan mendengar keterangan ke semua saksi, jika mahkamah rayuan dapati Hakim Mahkamah Sesyen telah tersilap dari segi undang-undang dan fakta apabila mencapai sesuatu keputusan seperti yang telah diputuskannya. Di antaranya ialah kes *Ong Cheng Wah & Anor v. Supramaniam Arjunan* [2001] 4 CLJ 202, di ms. 203 yang menyatakan seperti yang berikut:

> The dissenting view in *Wong Thin Yit v. Mohamad Ali* held that an appellate court is in good position as the trial judge to draw its own conclusion from the primary undisputed facts. It should not be assumed that the trial judge must necessarily be right just because he had seen and heard the witnesses. Even where the trial judge had been impressed by the demeanour of certain witnesses, the appellate court still has an obligation to scrutinise the evidence. The sessions judge had fundamentally misdirected himself and that warranted appellate intervention despite the trite view that findings of fact by the trial court should not generally be disturbed.

[22] Prinsip undang-undang yang sama juga terdapat di dalam kes-kes *Krishnan Perumal & Anor v. Yang Cheng Choy & Anor* [2010] 1 LNS 436; [2010] MLJU 493, *Samar Binte Mansor v. Mustafa Kamarul Ariffin* [1974] 1 LNS 147; [1974] 2 MLJ 71 dan *Lee Hock Lai v. Yeoh Wah Pein* [1998] 1 LNS 364; [1999] 5 MLJ 172.

[23] Di dalam kes *Lee Hock Lai* (*supra*), misalnya, mahkamah telah memutuskan seperti yang berikut:

> It is a basic principle of law that an appellate court should be slow in disturbing a finding of fact by a lower court. But it is also the principle that an appellate court should reverse a finding of fact by the lower court if such finding is clearly against the weight of evidence.

Lokasi Kemalangan

[24] Berkait dengan isu (a) iaitu di mana berlakunya tempat kemalangan, mahkamah ini berpendapat dapatan Hakim Mahkamah Sesyen adalah jelas tersasar dari fakta yang ada di hadapannya. Dapatan Hakim Mahkamah Sesyen adalah jelas secara 'total' hanya bersandarkan kepada keterangan SP2 sahaja sedangkan beliau tidak membuat siasatan yang sempurna dan tepat di manakah lokasi sebenar berlaku kemalangan tersebut. Ini kerana laporan polis pihak defendan sendiri menyokong laporan polis SP1 dan keterangan SP1 di mahkamah bahawa lokasi kemalangan adalah di simpang kuarters guru.

[25] Ia juga membuktikan kemusykilan peguam pihak plaintif terhadap siasatan SP2 adalah benar kerana jika pihak defendan mengatakan di dalam laporan polisnya, lokasi kemalangan adalah di simpang kuarters, kenapa SP2 pergi menyiasat di simpang sekolah sedangkan dia mengakui simpang kuarters wujud di tempat kejadian dan jarak simpang kuarters lebih kurang 150m di hadapan dari lokasi siasatannya yang menunjukkan lokasi kemalangan masih jauh dan tidak mungkin wujud keraguan terhadap lokasi kemalangan akibat faktor kehampiran 'proximity'.

[26] Pada pendapat mahkamah ini, jika SP2 tidak pernah menyiasat di lokasi kemalangan yang sebenarnya, maka apa jua hasil siasatannya terhadap kemalangan tersebut sama ada bagaimana dan di mana kemalangan berlaku adalah meragukan, boleh dipertikaikan dan tidak boleh diterima oleh mahkamah. Jika SP2 telah membuat siasatan yang sebenar di mana lokasi kemalangan berlaku iaitu di simpang kuarters guru, adalah probable hasil siasatan SP2 akan berbeza dengan hasil siasatannya sekarang.

[27] Selain itu, mahkamah ini bersetuju dengan penghujahan peguam pihak defendan bahawa keterangan SP2 berkait dengan lokasi kemalangan di simpang sekolah adalah bersifat 'dengar cakap' kerana keterangannya tidak disokong oleh keterangan pihak defendan yang tidak hadir ke mahkamah untuk memberi keterangan. Begitu juga keterangan SP2 apabila mengatakan kemalangan berlaku akibat dari motosikal pihak plaintif yang berada di susur

A hendak membelok ke kanan dan ini mengakibatkan motokar pihak defendan mengelak ke kiri juga ditolak oleh mahkamah di atas alasan yang sama.

[28] Hakim Mahkamah Sesyen juga di dalam penghakimannya telah memetik keterangan SP2 yang mengatakan motosikal tidak digalakkan untuk menyimpang ke kanan di tempat kejadian. Sekali lagi adalah jelas Hakim B Mahkamah Sesyen telah menerima bulat-bulat keterangan SP2 tanpa meneliti keterangan-keterangan lain seperti rajah kasar dan kunci dan keterangan SP1. Ini adalah kerana jika diperhatikan kepada rajah kasar yang diakui sendiri oleh SP2, terdapat garisan putus-putus atau garisan tengah pembahagi jalan sebelum simpang kuarters guru yang jelas membuktikan C bahawa kenderaan dari arah bawah ke atas boleh belok ke simpang tersebut yang terletak di sebelah kanan.

[29] Mahkamah ini berpendapat adalah jelas Hakim Mahkamah Sesyen telah khilaf kerana tidak meneliti secara keseluruhan keterangan pihak plaintif dan defendan serta kebolehterimaan sesuatu keterangan sebelum D beliau membuat dapatannya yang hanya bersandarkan semata-mata kepada keterangan SP2 dan kerosakan kenderaan yang terlibat.

[30] Adalah menjadi dapatan mahkamah ini, SP1 telah membuktikan di mana lokasi sebenar iaitu di simpang kuarters guru dan punca sebenar bagaimana berlaku kemalangan tersebut iaitu plaintif pertama telah memberi E isyarat untuk membelok ke kanan dan telah berada di tengah-tengah garisan putih tengah jalan semasa dilanggar dari belakang oleh defendan. Oleh kerana defendan tidak hadir ke mahkamah untuk memberikan keterangan, maka keterangan plaintif pertama mestilah diterima oleh mahkamah. Di dalam kes *MA Cylde v. Wong Ah Mei & Anor* [1970] 1 LNS 73; [1970] 2 MLJ 183 F mahkamah memutuskan seperti yang berikut:

> Held, dismissing the appeal: (1) negligence is a question of fact and each case must depend on its own facts. ... In this case however the appellant had chosen to give no evidence and the learned trial judge was justified in holding that there was a case for the appellant to answer and as she G had failed to do so, that she was liable;
>
> (2) the learned trial judge was justified in holding that the doctrine of *res ipsa loquitur* applied and that therefore the onus lay on the appellant to explain why she knocked the deceased from behind and, as the appellant chose not to give any explanation, judgment was rightly given against her;

H **[31]** Bersandarkan kepada autoriti *MA Cylde* (*supra*) adalah nyata bahawa Hakim Mahkamah Sesyen telah khilaf apabila memutuskan plaintif-plaintif tertanggung cuai 100%, sedangkan pihak defendan perlu hadir ke mahkamah untuk menjelaskan kenapa dia telah melanggar motosikal yang dinaiki oleh plaintif pertama dari arah belakang.

I

Versi-Versi Yang Bercanggah Dan Laporan Polis Kedua-Dua Pihak

[32] Adalah nyata di dalam penghakimannya, Hakim Mahkamah Sesyen telah tidak memfokuskan pemikirannya terhadap isu, versi-versi yang bercanggah di antara versi plaintif-plaintif dan defendan-defendan yang menyebabkan beliau telah tersalah arah di dalam membuat inferen dan seterusnya memberikan impak kepada dapatannya. Setelah meneliti keterangan, mahkamah ini berpendapat wujud dua versi yang berbeza, pertamanya di dalam keterangan pihak defendan sendiri dan keduanya di antara versi plaintif pertama dan pihak defendan. Hakim Mahkamah Sesyen jelas tidak mempertimbangkan kandungan D11, di mana pihak defendan mengakui kemalangan berlaku di simpang kuarters guru tetapi ketika pihak defendan pergi ke tempat kejadian bersama SP2, beliau telah menunjukkan lokasi kemalangan yang berbeza iaitu di simpang sekolah. Mahkamah ini berpendapat percanggahan ini menunjukkan pihak defendan seorang saksi yang tidak benar kerana defendan sendiri telah memberikan dua versi yang berbeza di mana sebenarnya berlaku kemalangan tersebut walhal plaintif pertama secara konsisten menyatakan lokasi kemalangan adalah di simpang kuarters sama ada di dalam laporan polis dan semasa memberi keterangan di mahkamah. Mahkamah berpendapat dua versi yang berbeza oleh pihak defendan, menunjukkan ianya adalah satu pemikiran semula oleh pihak defendan bagi mengelakkan liabilitinya terhadap kemalangan tersebut. Versi-versi yang berbeza ini jelas menunjukkan versi pihak defendan adalah tidak probable. Lihat *Suriyati Takril v. Mohan Govindasamy & Anor* [2001] 2 CLJ 101.

[33] Adalah jelas Hakim Mahkamah Sesyen di dalam dapatannya bergantung penuh kepada keterangan SP2 tanpa menilai keterangan plaintif pertama sedangkan jika terdapat dua versi yang bercanggah mahkamah mesti membuat dapatan versi manakah yang lebih probable. Prinsip undang-undang ini terdapat di dalam nas-nas berikut iaitu di antaranya *Tabarani Mohd Arsad & Anor v. Chan Tenn Yeu* [1999] 3 CLJ 188, *Mohamed Salleh Awang & Anor v. Low Han Leong & Anor* [1981] 1 LNS 140; [1982] 1 MLJ 82, yang memutuskan bahawa di dalam keadaan seperti itu, mahkamah harus menentukan versi manakah yang 'inherently probable' atau 'inherently improbable'.

[34] Di dalam kes *Tabarani Mohd Arsad & Anor* (*supra*), mahkamah memutuskan seperti yang berikut:

> Held (1) The trial court erred when it approached the case solely on the basis of deciding which version of the parties was to be believed. When confronted with two conflicting versions, the duty of the trial court was to consider which version was inherently probable or improbable.

[35] Selain itu, mahkamah ini berpendapat apabila Hakim Mahkamah Sesyen mengatakan di dalam dapatannya, plaintif pertama tidak memberi signal ke kanan sebelum menyimpang ke kanan, beliau mesti memberikan

A sebab kenapa dia berpendapat sedemikian. Beliau mesti menyatakan sama ada terdapat apa-apa keterangan yang mengatakan plaintif pertama tidak berbuat demikian. Jika Hakim Mahkamah Sesyen mengatakan, kemalangan tidak berlaku di simpang kuarters guru tetapi di simpang sekolah, dia mestilah memberikan justifikasi kenapa dia tidak percaya lokasi kemalangan adalah
B simpang kuarters guru sedangkan SP2 tidak pernah membuat siasatan di situ. Kenapa ia percaya lokasi kemalangan di simpang sekolah sedangkan tidak ada apa-apa kesan di atas jalan raya. Kenapa Hakim Mahkamah Sesyen tidak percaya kepada keterangan plaintif pertama sedangkan cerita beliau berkait dengan lokasi itu adalah probable kerana plaintif pertama mengatakan ia
C hendak balik ke rumah dan rumahnya adalah melalui simpang kuarters guru yang disokong oleh keterangan SP2. Hakim Mahkamah juga mesti memberikan justifikasi, kenapa beliau tidak percaya kepada plaintif pertama sedangkan keterangan beliau di mahkamah adalah konsisten dengan laporan polis yang dibuatnya selepas kemalangan. Kemusykilan yang harus juga dipertimbangkan
D ialah mengapa Hakim Mahkamah Sesyen percaya kepada laporan polis pihak defendan sedangkan ianya dibuat lima (5) hari selepas kemalangan walaupun beliau tidak mengalami apa-apa kecederaan tanpa memberikan sebarang penjelasan yang munasabah dan kenapa ia percaya kepada versi pihak defendan sedangkan pihak defendan telah memberikan versi yang berbeza-beza bagaimana berlaku kemalangan.

E **[36]** Di dalam kes *A Perianayagam & Anor v. Yeo Suan Tin & Anor* [1984] 1 LNS 15; [1984] 1 MLJ 214, di ms. 215, YA Hakim mengatakan seperti yang berikut:

> From his own silent admission in his police report at AB 12, PW2 was
F hospitalised for one week but it was only on November 4, 1972 that he lodged his report, i.e two weeks after he was discharged from hospital and more than three weeks after the accident. No reason was given for this delay but in cases of this nature, such delay has the effect of making victim like PW2 wiser after the event and he is liable to manufacture facts to hide the true state of affairs.

G **[37]** Hakim Mahkamah Sesyen mengatakan kemalangan berlaku disebabkan plaintif pertama sedang bergerak dari sebelah kiri ke kanan untuk masuk ke simpang sebelah kanan tanpa memberi penekanan kepada fakta bahawa plaintif pertama dalam laporan polisnya serta keterangan di mahkamah telah menyatakan bahawa beliau telah memberi isyarat ke kanan
H sebelum membelok ke kanan.

[38] Hakim Mahkamah Sesyen jelas telah tidak menimbangkan faktor plaintif pertama telah memberi signal ke kanan apabila beliau mengatakan di dalam penghakimannya plaintif pertama tidak memberi signal ke kanan. Dari manakah sumber atau asas keterangan yang membolehkan beliau
I mengatakan plaintif pertama tidak memberi signal ke kanan kecuali pihak defendan datang ke mahkamah untuk memberikan keterangan. Oleh kerana

tidak ada keterangan yang bertentangan, maka keterangan yang tidak dipertikaikan ini iaitu plaintif pertama telah memberi signal ke kanan sebelum masuk ke simpang kuarters guru haruslah diterima oleh mahkamah tanpa keraguan, *Fatimah Derakman* (*supra*) di ms. 538 dan *Kayat & Anor v. Lim Yew Seng* [1971] 1 LNS 46; [1972] 1 MLJ 26. Walaupun laporan polis defendan telah diterima masuk sebagai keterangan, ianya tidak mencukupi untuk mematahkan kes pihak plaintif, *Ngooi Kim Chong v. Subramaniam Maruthan & Anor* [1990] 1 CLJ 799; [1990] 2 CLJ (Rep) 533.

[39] Adalah nyata Hakim Mahkamah Sesyen telah gagal untuk 'direct his mind' terhadap faktor, plaintif pertama telah memberikan isyarat kanan sebelum masuk ke simpang kuartes. Akibatnya, beliau juga telah gagal untuk menimbangkan isu sama ada isyarat yang diberikan oleh plaintif pertama sebelum membelok, mencukupi untuk defendan mengelakkan kemalangan ini sebelum memutuskan plaintif pertama cuai 100%.

[40] Hakim Mahkamah Sesyen mengatakan laporan polis plaintif pertama bercanggah dengan keterangannya di mahkamah kerana di dalam keterangannya di mahkamah plaintif pertama telah menyatakan beliau telah memberikan lampu isyarat ke kanan dan memastikan tiada kenderaan di belakang tetapi di dalam laporan polisnya SP1 tidak menyatakan perkataan 'memastikan'. Mahkamah berpendapat Hakim Mahkamah Sesyen jelas telah melakukan kekhilafan apabila mengatakan ketiadaan perkataan memastikan tiada kenderaan di belakang telah menyebabkan keterangan plaintif pertama di mahkamah bercanggah dengan laporan polisnya. Ini kerana seperti yang dikatakan di dalam kes *Chock Kek Ling v. Patt Hup Transport Co Ltd & Ors* [1965] 1 LNS 25; [1966] 1 MLJ 120 'a report does not and will not contain everything under the sun'. Jika ada apa-apa kekurangan di dalam repot, plaintif pertama boleh menerangkannya atau boleh menambahnya semasa memberikan keterangan di mahkamah. Adalah jelas Hakim Mahkamah Sesyen tidak memahami apakah maksud percanggahan dalam konteks keterangan SP1. Mahkamah berpendapat jika SP1 mengatakan di dalam laporan polisnya 'saya tidak memberi signal' tetapi di mahkamah beliau mengatakan ada memberi signal keterangan tersebut barulah boleh disifatkan sebagai keterangan yang bercanggah.

Langgar Belakang Dan Kerosakan Kedua-Dua Kenderaan

[41] Mahkamah ini berpendapat berasaskan kepada fakta kes adalah jelas mengikut rajah kasar, arah perjalanan plaintif pertama dan defendan adalah dari bawah ke atas. Tidak juga dapat dinafikan bahawa berdasarkan kepada laporan polis plaintif pertama dan pihak defendan, sebelum kemalangan kereta defendan-defendan berada di belakang motosikal yang ditunggang plaintif pertama. Nas-nas memutuskan kenderaan yang di belakang mempunyai tugas dan tanggungjawab untuk memandu dengan berhati-hati bagi mengelakkan sebarang kemalangan dan tanggungjawab ini adalah tanggungjawab yang berterusan yang wujud tanpa mengambil kira kecuaian pemandu kenderaan yang berada di hadapannya.

[42] Di dalam kes *Tabarani Mohd Arsad & Anor* (*supra*), mahkamah memutuskan seperti yang berikut:

> It was held in *De Cotta v. Tan Hock Lee* (*supra*) that there was a duty on drivers following a leading car to drive in such a fashion so as to avoid accidents rising out of exigencies of the leading car. It was further held that the duty was a continuing duty which exists independently of negligence of the leading car

[43] Di dalam kes *Ng Tian Hock v. Ng Swee Kin; Tan Seou Geok v. Ng Swee Kin & Anor* [1990] 2 MLJ 206, mahkamah memutuskan:

> I accept the evidence of the rider that he was hit from behind by the car driver. It seems to me that the accident occurred because the car driver was not keeping a proper look out.

[44] Di dalam kes *Abidin bin Umar v. Doraisamy Supramaniam & Anor* [1994] 2 CLJ 747; [1994] 1 MLJ 617, mahkamah memutuskan seperti yang berikut:

> Held, allowing the application:
>
> Bearing in mind that at the material time of the accident, the plaintiff was asleep, he was not in a position to describe the movements of the lorry he was on nor that of the other lorry before the accident. The pleadings clearly showed that the accident happened as a result of a collision from the rear. It is now trite law that a driver following another vehicle should drive in such a fashion as will enable him to deal with all traffic exigencies.

[45] Di dalam kes *Abdul Mokhti Hj Ahmad v. Idris Ibrahim* [1976] 1 LNS 1; [1977] 2 MLJ 85 mahkamah memutuskan:

> Held, dismissing the plaintiff's claim: (1) it was the duty of the driver following a leading car to drive in such a fashion so as to avoid accidents rising out of exigencies of the leading car. The duty was a continuing duty which exists independently of of the leading driver;
>
> (2) in the circumstances the court could not find any evidence of any negligence on the part of the defendant.

[46] Justeru itu mahkamah berpendapat, Hakim Mahkamah Sesyen juga khilaf apabila tidak menimbangkan faktor kedudukan kereta pihak defendan yang berada di belakang plaintif pertama semasa memutuskan plaintif-plaintif tertanggung cuai 100% di dalam kemalangan ini.

[47] Hakim Mahkamah Sesyen khilaf apabila memutuskan pihak plaintif tertanggung cuai 100% berasaskan secara 'total' kepada pendapat SP2 terhadap kerosakan kedua-dua kenderaan tanpa mengambil kira keterangan plaintif pertama yang tidak dipatahkan oleh pihak defendan. Bahkan Hakim Mahkamah Sesyen juga tidak mengambil kira laporan polis pihak defendan yang mengatakan tiba-tiba motosikal yang berada di kiri jalan melintas ke kanan jalan. Mahkamah berpendapat jika pihak plaintif telah mengubah dari kiri ke kanan jalan, kerosakan motosikal pihak plaintif akan lebih teruk di

bahagian belakang sebelah kanan dan ini bercanggah dengan gambar P8F di mana gambar tersebut menunjukkan kerosakan pada bahagian kiri motosikal plaintif pertama. Oleh itu, mahkamah berpendapat Hakim Mahkamah Sesyen telah khilaf apabila beliau merujuk kepada kes *Murugan v. Lew Chu Cheong* [1980] 1 LNS 49; [1980] 2 MLJ 139 (motorcyclist cutting across path of car leaving it no room or chance to pass it wholly to blame).

[48] Mahkamah ini berpendapat kes *Murugan* boleh dibezakan dengan kes di hadapan mahkamah. Di dalam kes tersebut, mahkamah membuat konklusi dapatannya setelah menimbangkan keterangan pihak plaintif dan defendan, rajah kasar serta kunci, kesan-kesan yang terdapat di atas jalan raya iaitu kesan calar dan kesan tayar. Antara lain, mahkamah mengatakan seperti berikut: 'on the road itself there were tyre marks made by the motorcar on the right hand side of the road in the direction in which the parties were travelling. A long scratch mark led to it. It commenced at a point on the centre of the other half of the road, just outside the entrance to the side road. The collision was obviously at or just before the beginning of this scratchline'. Selain dari kesan di atas jalan, mahkamah juga telah membuat inferens berdasarkan kepada kerosakan kereta dan motosikal yang terlibat di dalam kemalangan. Ini adalah penghakiman yang sempurna 'complete judgment' di mana kesemua keterangan telah diambil kira iaitu keterangan pihak plaintif dan defendan, kesan-kesan di atas jalan raya dan kerosakan pada kedua-dua kenderaan sedangkan di dalam kes ini, Hakim Mahkamah Sesyen hanya bersandarkan kepada kerosakan pada motosikal plaintif-plaintif dan kereta pihak defendan sahaja tetapi memutuskan kemalangan ini berlaku kerana plaintif pertama 'cutting a cross'. Adalah jelas justifikasi yang diberikan oleh Hakim Mahkamah Sesyen tidak cukup kuat untuk menyokong dapatannya.

[49] Mahkamah ini berpendapat berdasarkan rajah kasar, jalan ini adalah jalan yang luas, jalan dua hala dan lurus. Jika pihak defendan telah memberi perhatian yang sepenuhnya ke atas keadaan jalan raya, mahkamah pasti beliau boleh melihat seorang penunggang motosikal sedang menunggang motosikal di hadapannya. Jika beliau telah memandu dengan berhati-hati, sudah tentu beliau akan dapat mengelakkan kemalangan tersebut.

[50] Dalam kes *Ng Kah Heng v. Ng Pek Choo* [1989] 1 CLJ 962; [1989] 2 CLJ (Rep) 170 mahkamah memutuskan:

> [1] As the road at the scene of the accident according to the defendant's own evidence was a fairly straight road she should have been able to see the approaching traffic and particularly the motorcycle at some distance in front of her before the event if she had kept a proper look out.
>
> [2] As the defendant allowed herself to be taken by great surprise when the plaintiff appeared so suddenly in her path indicates a lack of due care on her part in using a public road already known to her to be inherently dangerous to users of the road, the Court found the defendant was not driving with due care and attention and was guilty of negligence.

[51] Dalam kes *Reliance Omnibus Co Sdn Bhd & Anor v. Ishak Mohd Jaafar & Anor* [1993] 4 CLJ 291, 293 mahkamah memutuskan:

> The second appellant/defendant's failure to keep proper lookout was in my opinion, partly the cause of the accident. It is well known fact that the power of control is illusory if the driver is not paying attention to the road. The sharpness of the look out required depends upon the circumstances existing at the material time.

Pengakuan Salah

[52] Di dalam kes *Annamalay Retnam v. Mah Chong Peng & Anor* [2010] 6 CLJ 487, Mahkamah Rayuan memutuskan pengakuan salah dalam kes trafik bukanlah keterangan konklusif dalam menentukan darjah kecuaian dan pihak yang membayar saman boleh memberikan justifikasi mengapa membayar saman tersebut. Plaintif pertama telah memberikan penjelasan kerana mahu cepat selesaikan kes. Oleh itu, Hakim Mahkamah Sesyen jelas khilaf apabila telah mengambil kira plaintif pertama telah membayar kompaun kesalahannya di bawah r. 10 dan memutuskan plaintif pertama tertanggung cuai 100% di dalam kemalangan ini.

[53] Di dalam kes *Samar Binte Mansor* (*supra*), His Royal Highness Raja Azlan Shah (pada masa itu) di ms. 72 memutuskan seperti yang berikut:

> For an appellant to succeed in an appeal against a finding of fact made by a single judge, he must convince the appellate court that the learned judge was wrong in his conclusion.
>
> The question is not whether an appellate court can substitute its view of the facts which of course it is empowered to do so, but whether it should do so. However much an appellate court may be in an equal position with the trial judge as to the drawing of inferences, it ought not to reverse the finding of fact unless it is convinced that it is wrong. It is not whether the inferences are right but whether an appellate court is convinced that they are wrong.

[54] Mahkamah berpendapat, dapatan Hakim Mahkamah Sesyen bahawa plaintif-plaintif bertanggung cuai 100% di dalam kemalangan ini secara nyatanya bertentangan dengan keterangan yang ada di hadapan mahkamah. Mahkamah ini tidak bersetuju dengan dapatan tersebut kerana mahkamah berpendapat keputusan fakta atau penemuan fakta adalah berdasarkan inferens yang dibuat dari fakta lain, dan bukannya, berdasarkan keterangan dan kebolehpercayaan saksi-saksi. Inferens yang dibuat juga bukan berdasarkan kepada keterangan yang tidak dipertikaikan dan tidak konsisten dengan keterangan tersebut, *Siti Rohani Mohd Shah & Ors v. Hj Zainal Hj Saifiee & Anor* [2001] 1 CLJ 498; [2001] 5 MLJ Supp 8. Adalah menjadi dapatan mahkamah ini bahawa kedua-dua pihak tertanggung cuai secara bersama iaitu 50-50 di dalam kemalangan ini.

[55] Berkait dengan isu liabiliti, peguam terpelajar plaintif-plaintif mencadangkan pihak defendan tertanggung cuai sepenuhnya di dalam kemalangan tersebut atau secara alternatif 50-50. Adalah menjadi dapatan mahkamah ini bahawa kedua-dua pihak tertanggung cuai secara bersama iaitu 50-50 di dalam kemalangan ini. Mahkamah dapati berdasarkan kepada fakta, plaintif pertama juga harus berhati-hati dari memastikan beliau berada di dalam jarak yang selamat dengan kenderaan di belakang sebelum mengubah haluan meskipun beliau telah memberi signal ke kanan.

Dapatan Mahkamah Isu Kuantum

[56] Di dalam menimbangkan isu kuantum di peringkat rayuan, mahkamah ini adalah terikat dengan prinsip undang-undang di dalam kes *Multar Masngud v. Lim Kim Chet & Anor* [1982] CLJ 107; [1982] CLJ (Rep) 237; [1982] 1 MLJ 184 yang memutuskan seperti yang berikut:

> In other words, the two situations in which an appellate court would be justified in interfering by reassessment of the damages would be where the trial judge has acted on a wrong principle or has made an entirely erroneous estimate of the damages.

[57] Di dalam memorandum rayuannya, peguam terpelajar plaintif-plaintif telah mempertikaikan keputusan Hakim Mahkamah Sesyen memberikan award sebanyak RM35,000 sahaja untuk kecederaan kepala plaintif pertama di atas alasan beliau tidak memakai topi keledar semasa kemalangan sedangkan menurut laporan perubatan dan laporan pakar tidak dinyatakan kecederaan di kepala plaintif pertama disebabkan kegagalannya memakai topi keledar dan di atas alasan beliau boleh mengingati kemalangan yang berlaku dua tahun lepas. Peguam juga mempertikaikan kerana Hakim Mahkamah Sesyen tidak mengambil kira masalah emosi, sakit kepala dan 'residual stroke over the brain' yang dialami oleh plaintif pertama; ms. 86 RR. Untuk kecederaan kepala, peguam mencadangkan award yang munasabah ialah RM100,000.

[58] Peguam terpelajar plaintif-plaintif juga mempertikaikan kegagalan Hakim Mahkamah Sesyen untuk memberikan award 'loss sense of smell' kepada plaintif pertama, di atas alasan laporan perubatan awal tidak mengatakan kecederaan berlaku semasa kemalangan, pakar perubatan pihak plaintif tidak menyatakan sebarang kecederaan yang sedemikian dan kecederaan ini dirujuk enam bulan selepas kemalangan. Untuk 'loss sense of smell', peguam pihak plaintif mencadangkan award sebanyak RM40,000 berdasarkan kepada 'Revised Compendium of Personal Injury Awards' iaitu di antara RM38,500 sehingga RM40,000 bagi 'complete loss sense of smell'.

[59] Award untuk ganti rugi am dan ganti rugi khas diberi kepada pihak plaintif setelah mahkamah mengambil kira prinsip-prinsip undang-undang di dalam kes-kes yang telah diputuskan oleh mahkamah atasan. Mengikut kes-kes tersebut di dalam sesuatu tuntutan kemalangan, jumlah award yang diberikan seharusnya munasabah dan bersesuaian dengan kecederaan yang

dialami oleh pihak plaintif. Tujuan utama sesuatu award itu diberikan adalah untuk membolehkan seseorang plaintif menjalani kehidupan yang lebih sempurna setelah mengalami kecacatan akibat dari kemalangan tersebut. Tujuan award bukanlah untuk memberi kekayaan atau kesenangan kepada plaintif.

[60] Di dalam kes *Mariam Mansor v. JD Peter* [1975] 1 LNS 101; [1975] 1 MLJ 279 misalnya mahkamah memutuskan seperti yang berikut:

> in considering what compensation the court shall award, it is impossible to arrive an accurate figure, however, all the court can do is to award her a sum which would compensate her for pain and suffering she had undergone and will, in all probability, continue to undergo. I feel that the sum awarded should be a fair sum to compensate the Plaintiff for the injuries suffered, but it should not be too excessive to constitute an injustice to the defendant. It is trite law that any claim for special damages must be specifically pleaded and strictly proved as opposed to general damages which is subject to assessment (See *Sam Wun Hoong v. Kader Ibramshah* [1981] 1 MLJ 295 at 297, FC). In *Yeap Cheng Hock v. Kajima-Taisei Joint Venture* [1973] 1 MLJ 230 at 236 Syed Agil Barakbah, J held:
>
> > The general principle is that plaintiff must be prepared to prove his special damages unless it has been agreed. It is not enough for him to write down the particulars and leave them for the court to decide. It is for him to prove them;.

[61] Di dalam kes *Ong Ah Long v. Dr S Underwood* [1983] 2 CLJ 198; [1983] CLJ (Rep) 300 mahkamah mengatakan:

> it must be borne in mind that damages for personal injuries are not punitive and still less a reward. They are simply compensation that will give the injured party reparation for the wrongful act and for all the natural and direct consequences of the wrongful act, so far as money can compensate.

[62] Di dalam kes *Ku Jia Shiuen & Anor v. Kerajaan Malaysia & Ors* [2013] 9 CLJ 489 mahkamah memutuskan:

> It is settled law that damages in tort are not meant to be punitive; neither a reward. Damages are meant to be a form of compensation that will give the injured party reparation for the wrongful act so far as money can compensate. It is not meant to enrich the injured party. Therefore, the compensation must by fair, reasonable and adequate but not excessive (*Yang Salbiah & Anor v. Jamil bin Harun* [1981] 1 MLJ 292. The aim is to put the injured party back as it were, as far as possible to his original position prior to the tortious act which caused the damage (*Shanmugam Gopal v. Zinal Abidin Nazim & Anor* [2003] 8 CLJ 729; [2003] 3 MLJ 76; *Ong Ah Long v. Dr S Underwood* [1983] 2 CLJ 198.

[63] Berdasarkan laporan perubatan awal dari Hospital Temerloh (P2), laporan perubatan dari Jabatan Neurosurgeri Hospital Kuala Lumpur (P3) bertarikh 10 Jun 2013 dan laporan pakar neurologi dari Hospital Pantai (P5)

bertarikh 10 Oktober 2013; ms. 84 RR, plaintif pertama mengalami 'Head Injury with subarachnoid hamorrhage and subdural hemorrhage over left fronto-temporo-parietal and blood in the interhemispheric fissure'. Di dalam P5, aduan terkini plaintif pertama adalah:

(i) loss sense of smell;

(ii) forgetfulness;

(iii) emotional liability;

(iv) episodes of transient visual obstruction; and

(v) recurrent headaches

CT Brain juga mengesahkan bahawa 'there is a diffuse hypodensity over the left frontal lobe over the right occipital lobe, with loss of brain volume, consistent with encephalomalacia. There is also hypodensity over the right basal ganglia extending to the corona radiate consistent with an old infarct or stroke. These findings suggest that there is damage and residual shrinking of the brain over the two areas mentioned in left front part of the brain and right posterior part of the brain. There is also an area of damage to the stroke, possibly related also to the injury'. Doktor pakar Hospital Pantai mengesahkan plaintif pertama mengalami 'internal brain hemorrhage or bleeding as a result of the accident and have the following significant complication':

(i) total loss of smell, confirmed by CT Brain showing damages to the frontal lobes;

(ii) emotional liability confirmed by CT Brain showing frontal lobe damage, shrinkage and bilateral involvement which is commonly associated with emotional liability;

(iii) post concussion headache syndrome;

(iv) forgetfulness; dan

(v) residual stroke over right brain which control left half body, tough athisvaran recover may deteriorate if any future minor insult occur.

[64] Peguam terpelajar pihak plaintif telah mencadangkan award sebanyak RM100,000 untuk kecederaan kepala berdasarkan kes *Sathisvaran Chandrasegaran v. Agilan Vanmugelan & Anor* [2012] 3 CLJ 450; [2010] 1 PIR [48] di mana mahkamah telah mengawardkan RM100,000 untuk kecederaan kepala di mana plaintif mengalami 'impairment mental function due to post-traumatic encephalomalacia at the left frontal and left temporal lobes causing intellectual impairment, post concussion syndrome consisting of emotional instability and inability to concentrate, post-traumatic headache and the risk of developing post traumatic epilepsy'.

[65] Pihak defendan telah mengemukakan laporan pakar defendan (D10). Laporan ini bertarikh 7 Mei 2014 merupakan laporan terkini keadaan kecederaan dan kecacatan plaintif pertama; ms. 89 RR. Pakar defendan mengesahkan aduan plaintif pertama bahawa beliau mengalami "headaches, personality changes, memory impairment, problems with concentration and recall dan lost his sense of smell". Pakar juga mengatakan "patient's present clinical and functional status is consistent with the injuries he sustained to his brain". As this accident occurred 18 months ago, his deficits can be expected to be permanent and further recovery is unlikely. While and he did not demonstrate any features of having a "stroke involving his limbs".

[66] Berasaskan kepada kecederaan plaintif pertama, peguam pihak defendan telah mencadangkan award sebanyak RM30,000.

[67] Mahkamah berpendapat Hakim Mahkamah Sesyen telah khilaf apabila mengambil kira faktor umur dan plaintif pertama telah berumah tangga serta kegagalannya untuk memakai topi keledar semasa menimbangkan award kepada plaintif pertama untuk kecederaan di kepala. Mahkamah bersetuju dengan penghujahan peguam plaintif pertama bahawa laporan perubatan dan laporan pakar kedua-dua pihak tidak pernah menyatakan bahawa kecederaan di kepala adalah disebabkan plaintif pertama tidak memakai topi keledar. Begitu juga dokor tidak pernah mengatakan kecederaan di kepala plaintif pertama disebabkan beliau telah berumur 65 tahun dan telah berumah tangga. Mahkamah berpendapat plaintif pertama mengalami kecacatan yang agak serius akibat dari kecederaan di kepala iaitu "emotional lability, forgetfulness, recurrent headache, personality changes". Tetapi beliau tidaklah mengalami kecederaan seteruk plaintif di dalam kes *Agilan* dan plaintif pertama juga tidak mengalami 'any features of having stroke' mengikut laporan perubatan terkini dari pakar defendan, D10. Justeru itu, oleh kerana Hakim Mahkamah Sesyen telah mengambil kira faktor yang tidak berkaitan semasa menimbangkan award untuk kecederaan kepala, maka mahkamah ini berpendapat adalah wajar mahkamah mengetepikan award tersebut. Mahkamah ini berpendapat award yang munasabah ialah RM50,000 berdasarkan kepada kecederaan kepala dan kecacatan plaintif pertama akibat kecederaan tersebut.

[68] Seperti yang mahkamah telah analisakan di atas, kedua-dua laporan pakar plaintif pertama dan defendan mengesahkan plaintif pertama mengalami 'loss of smell' dan kedua-dua doktor pakar juga mengesahkan kecacatan ini adalah akibat atau berpunca dari kemalangan tersebut. Lihat ms. 87 dan ms. 93 dan 94 RR. Justeru itu, mahkamah berpendapat penghujahan peguam pihak defendan di ms. 62 RR sangat mengelirukan apabila dia mengatakan pakar perubatan plaintif tidak pernah mengatakan sebarang kecederaan sedemikian.

[69] Mahkamah berpendapat plaintif pertama memang mengalami kecacatan 'Loss of smell' dan oleh itu Hakim Mahkamah Sesyen telah khilaf bila tidak mengambil kira kecacatan ini semasa memberikan award ganti rugi am kepada plaintif pertama. Mahkamah berpendapat award sebanyak RM40,000 adalah munasabah berdasarkan kepada 'Revised Compendium'.

Kesimpulan

[70] Mahkamah ini telah membenarkan rayuan plaintif-plaintif di atas isu liabiliti dan sebahagian kuantum dengan kos sebanyak RM2,000. Keputusan Hakim Mahkamah Sesyen di atas isu liabiliti dan sebahagian kuantum diketepikan. Plaintif-plaintif dan pihak defendan tertanggung cuai secara bersama di dalam kemalangan ini iaitu 50-50. Deposit dikembalikan kepada perayu-perayu.